

Hakim tolak permohonan FEER

8H - 9 APR 1988

Oleh AIRY LIM

KUALA LUMPUR, Jumaat — Mahkamah Tinggi di sini hari ini memutuskan majalah *Far Eastern Economic Review* (FEER) sengaja cuba memalukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam permohonannya untuk menamakan Menteri Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia dalam prosiding pihak ketiga.

Hakim Datuk Ajaib Singh juga menganggap permohonan FEER sebagai menyalahgunakan proses mahkamah dan ia tidak boleh dibenarkan.

Katanya, FEER sengaja cuba memalukan Perdana Menteri dan menimbulkan prasangka ke atas perbicaraan yang adil mengenai saman malu yang dikemukakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir.

"Oleh itu, permohonan itu terpaksa ditolak dengan kos," kata Hakim Datuk Ajaib ketika menyampaikan keputusannya di mahkamah terbuka petang ini.

Menurutnya, Menteri Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia tidak boleh disenaraikan sebagai pihak ketiga kerana "tiada hubungan antara mereka dan plaintif."

Majalah itu disaman oleh Datuk Seri Dr Mahathir pada 11 Ogos lalu berhubung rencana mengenai dakwaan penjualan Limbang di timur laut Sarawak kepada Brunei Darussalam dengan harga AS\$6,000 juta (kira-kira \$15,000 juta) sewaktu lawatannya ke negara itu pada Mac tahun lalu.

Pengarang majalah itu, Derek Davies, dinamakan sebagai defendan pertama manakala penerbitnya yang beribu pejabat di Hong Kong defendan kedua.

Perdana Menteri diwakili oleh Peguam Kanan Persekutuan, Encik T Selenthiranathan manakala FEER diwakili oleh peguam Encik Muhammad Shafee Abdullah.

Hakim Datuk Ajaib juga memberi kebenaran kepada majalah itu untuk mengemukakan rayuan di Mahkamah Agung.

Permohonan Perdana Menteri untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai sumber rencana itu akan didengar pada 14 April ini.

Saman malu Datuk Seri Dr Mahathir ke atas majalah itu masih belum didengar oleh mahkamah.

Kata Hakim, dakwaan yang mengatakan Menteri Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia meluluskan atau mengizinkan penjualan serta pengedaran keluaran majalah yang dikatakan memuatkan rencana fitnah, tidak boleh diterima walaupun pegawai kanan kerajaan cuai dalam tugasnya.

Menurutnya, pegawai kanan kerajaan yang dipertanggungjawabkan meneliti setiap majalah import tidak perlu mengadakan penyiasatan sekiranya penerbitan itu mempunyai bukti *prima facie* dan tidak mematuhi seksyen 9, Akta Penerbitan dan Percetakan 1984.

Pegawai itu, kata Datuk Ajaib mempunyai kuasa untuk mengambil sebarang tindakan mengikut seksyen itu untuk menahan penerbitan itu daripada diedar atau rencana atau mana-mana bahagian yang tidak diinginkan dipadam atau dihapuskan.

"Ia bukan fungsi atau tanggungjawab pegawai itu untuk mengadakan siasatan ke atas mana-mana rencana yang didapati tidak mematuhi sebarang undang-undang," katanya.